

# Terus pimpin UMNO jika rakyat terima — PM

5 NOV 1993

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, keupayaan beliau untuk terus memimpin UMNO dan kerajaan bergantung kepada kesihatannya dan sejauh mana beliau diterima oleh rakyat.

Presiden UMNO itu berkata, beliau tidak menetapkan tempoh tertentu atau had masa perkhidmatannya.

"Anda boleh memegang sesuatu jawatan selagi anda mampu tetapi adalah salah bagi saya untuk tidak mengambil kira perasaan ahli-ahli parti mengenai keupayaan saya (dalam meneruskan kepimpinan)," kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan para pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini.

Pertanyaan itu dikemukakan berikutan kandungan ucapan perasmian

Dr. Mahathir pagi ini yang secara terbuka menyatakan beliau sadar akan hakikat nasibnya dalam politik.

"Saya akan menerima apa juga keputusan parti terhadap saya apabila tiba masanya. Hari ini giliran orang lain, esok mungkin giliran saya pula. Demikianlah politik," katanya semasa berucap.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut menyatakan keyakinan bahawa pemimpin-pemimpin dan ahli UMNO akan kembali bersatu meskipun selepas pemilihan sengit parti kali ini.

"Semasa berkempen pemimpin-pemimpin biasanya berpecah, kerana itu saya berharap selepas pemilihan tamat, mereka harus lupakan kempen-kempen dan apa yang telah dikatakan semasa berkempen.

"Rapatkan semula barisan kerana kita perlu kepada sebuah parti yang utuh untuk menjalankan tugas bagi menjayakan cita-cita parti," tegas beliau.

Menurut Dr. Mahathir, beliau tidak fikir suasana politik dan perbezaan pendapat dalam UMNO sepanjang tempoh berkempen sejak beberapa bulan lalu boleh membawa kesan buruk kepada parti.

"Kesannya hanya kecil dan kita boleh betulkan perbezaan pendapat yang berlaku," katanya sambil mengingatkan bahawa pengalaman perpecahan parti tahun 1987 adalah lebih buruk lagi.

Pada tahun itu beberapa pemimpin tinggi UMNO yang kecewa selepas kalah dalam pemilihan telah meninggalkan parti itu untuk menubuhkan sebuah parti baru.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, pemimpin-pemimpin yang keluar parti itu kemudian terbukti tidak mendapat sokongan ramai bekas ahli UMNO dan sebahagian besar mereka telah pun menyertai semula UMNO.

Katanya: "UMNO hari ini adalah lebih kuat daripada masa-masa sebelumnya."

Dr. Mahathir juga diminta mengulas satu bahagian dalam ucapannya yang menyatakan beliau "memohon maaf" kerana sesetengah pihak menyangka beliau tidak berkecuali sepenuhnya dalam pemilihan UMNO kali ini.

Katanya, interpretasi pelbagai pihak mengenai pendirian berkecualinya bermula daripada satu ucapan beliau dalam perhimpunan ahli-ahli UMNO di Terengganu tidak lama dahulu.

"Sesetengah orang tafsirkan cakap saya di Terengganu sebagai memihak. Saya tidak berniat sama sekali untuk memihak (seperti yang ditafsirkan orang).

"Saya cuba untuk tidak menyebelahi mana-mana pihak, tetapi saya tak dapat elak orang daripada interpret kenyataan saya," katanya.

Ditanya mengenai bila pilihan raya umum akan diadakan, Perdana Menteri berkata, beliau mempunyai tempoh sehingga tahun 1995 sebelum membubarkan Parlimen.